



NEGERI PERAK

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 69
Bil. 22

27hb Oktober 2016

TAMBAHAN
No. 2

AKTA HARI KELEPASAN 1951

HOLIDAYS ACT 1951

No. 3353.

HARI KELEPASAN AM DI NEGERI PERAK BAGI TAHUN 2017

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 9(1) Akta Hari Kelepasan 1951 [Akta 369], Pihak Berkuasa Negeri menetapkan hari-hari yang dinyatakan dalam Jadual menjadi Hari-Hari Kelepasan Am Negeri bagi tahun 2017.

2. Jika mana-mana Hari Kelepasan Am Negeri jatuh pada hari kelepasan mingguan maka hari yang berikutnya hendaklah menjadi hari kelepasan am, dan jika hari sedemikian adalah sememangnya hari kelepasan am maka hari yang berikutnya hendaklah menjadi hari kelepasan am.

3. Jika Hari Kelepasan Am itu jatuh pada hari Sabtu, maka hari sabtu itu juga adalah merupakan Hari Kelepasan Am dan tidak akan diganti pada hari-hari yang lain.

JADUAL

- | | | |
|---------------------|-----------------|----------|
| (i) Hari Tahun Baru | 1 Januari 2017 | (Ahad) |
| (ii) Hari Thaipusam | 9 Februari 2017 | (Khamis) |

WARTA KERAJAAN NEGERI PERAK

3176

[27hb Okt. 2016]

-
- | | | |
|---|-----------------|----------|
| (iii) Hari Nuzul Al-Quran | 12 Jun 2016 | (Isnin) |
| (iv) Hari Keputeraan Duli Yang Maha
Mulia Sultan Perak | 3 November 2017 | (Jumaat) |

Bertarikh 7 Oktober 2016

[SUK.PK.(BKP)(S) 600-3/3/7 (4); PU.Pk. 46/99]

SHahrul Azam bin Shaari

Setiausaha

Majlis Mesyuarat Kerajaan

Perak Darul Ridzuan

PUBLIC HOLIDAYS IN THE STATE OF PERAK FOR THE YEAR 2017

In exercise of the powers conferred by subsection 9(1) of the Holidays Act 1951 [*Act 369*], the State Authority appoints the days specified in the Schedule to be the State Public Holidays for the year 2017.

2. If any State Public Holiday falls on a weekly holiday then the day following shall be a public holiday, and if such day is already a public holiday then the day following shall be a public holiday.
3. If any State Public Holiday falls on Saturday, then that day is considered as a State Public Holiday and will not be replaced by any other day.

SCHEUDLE

- | | | |
|---|-----------------|------------|
| (i) New Year Day | 1 January 2017 | (Sunday) |
| (ii) Thaipusam | 9 February 2017 | (Thursday) |
| (iii) Nuzul Al-Quran | 12 June 2017 | (Monday) |
| (iv) Birthday of His Royal Highness
the Sultan Perak | 3 November 2017 | (Friday) |

Dated 7 October 2016

[SUK.PK.(BKP)(S) 600-3/3/7 (4); PU.Pk. 46/99]

SHahrul Azam bin Shaari

Secretary

State Executive Council

Perak Darul Ridzuan

**ENAKMEN RIZAB MELAYU
MALAY RESERVATION ENACTMENT**

No. 3354.

PERISYTIHARAN RIZAB MELAYU JERAM MENGKUANG (TAMBAHAN)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 3(i) Enakmen Rizab Melayu [*N.M.B Bab 142*], Menteri Besar Perak Darul Ridzuan dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri dengan ini mengisyiharkan bahawa mulai dari tarikh disiarkan pemberitahuan ini dalam *Warta Kerajaan Negeri Perak*, kawasan yang dinyatakan dalam Jadual hendaklah menjadi suatu Rizab Melayu yang dikenali sebagai Rizab Melayu Jeram Mengkuang (Tambahan).

JADUAL

Kawasan seluas lebih kurang 124.60 hektar dalam Mukim Bidor, Daerah Batang Padang bergaris tepi warna kelabu pada PW 2015 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan, Perak.

Bertarikh 27 September 2016
[PTG.Pk. 235/2-35(C); PTBP(T) 36/3-857;
JUPk 932 Jld. 9(49); PU.Pk. 67/71-50 Jld. 5]

DATO' SERI DIRAJA DR. ZAMBRY BIN ABD. KADIR
Menteri Besar
Perak Darul Ridzuan

DECLARATION OF JERAM MENGKUANG (TAMBAHAN) MALAY RESERVE

In exercise of the powers conferred by subsection 3(i) of the Malay Reservations Enactment [*F.M.S Cap 142*], the Menteri Besar of Perak Darul Ridzuan, with the approval of the State Authority hereby declares that from the date of the publication of this notification in the Perak Government *Gazette*, the area described in the Schedule shall be a Malay Reservation to be known as Jeram Mengkuang (Tambahan) Malay Reserve.

SCHEDULE

The area of approximately 124.60 hectares in Mukim of Bidor, District of Batang Padang outlined in grey on PW 2015 deposited in the Office of the Director of Survey and Mapping, Perak.

Dated 27 September 2016
[PTG.Pk. 235/2-35(C); PTBP(T) 36/3-857;
JUPk 932 Jld. 9(49); PU.Pk. 67/71-50 Jld. 5]

DATO' SERI DIRAJA DR. ZAMBRY BIN ABD. KADIR
Menteri Besar
Perak Darul Ridzuan

WARTA KERAJAAN NEGERI PERAK

3178

[27hb Okt. 2016]

No. 3355.

PEMBATALAN SEBAHAGIAN RIZAB MELAYU SITIAWAN

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 4(i)(b) Enakmen Rizab Melayu [N.M.B. Bab 142], Menteri Besar Perak Darul Ridzuan dengan kelulusan Raja dalam Mesyuarat mengistiharkan bahawa mulai dari tarikh disiarkan pemberitahuan ini dalam *Warta Kerajaan Negeri Perak*, maka kawasan yang dinyatakan dalam Jadual yang menjadi sebahagian daripada kawasan yang diisytiharkan sebagai Rizab Melayu Sitiawan mengikut Pemberitahuan No. 488 yang telah disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu Perak* bertarikh 17 Januari 1930 hendaklah terhenti menjadi sebahagian daripada Rizab Melayu itu.

JADUAL

Tanah seluas kira-kira 46.771 hektar dalam Mukim Sitiawan, Daerah Manjung yang bergarisan tepi warna kelabu pada P.W. No. 3970 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan, Perak.

Bertarikh 29 September 2016
[PTG.Pk. 407/2-973 (B); PTMjg. 616-0031;
PU.Pk. 67/71-50 Jld. 4]

DATO' SERI DIRAJA DR. ZAMBRY BIN ABD. KADIR
Menteri Besar
Perak Darul Ridzuan

PARTIAL REVOCATION OF THE SITIAWAN MALAY RESERVE

In exercise of the powers conferred by paragraph 4(i)(b) of the Malay Reservations Enactment [F.M.S. Cap 142], the Menteri Besar of Perak Darul Ridzuan with the approval of the Ruler of the State Council hereby declares that with effect from the date of publication of this notification in the Perak Government Gazette, the area described in the Schedule being part of the area declared as Sitiawan Malay Reserve *vide* Notification No. 488 published in the Federated Malay State Government Gazette on 17 January 1930 shall cease to be part of the Malay Reserve.

SCHEDULE

The land approximately 46.771 hectares in the Mukim of Sitiawan, District of Manjung outlined in grey on P.W. No 3970 deposited in the Office of the Director of Survey and Mapping, Perak.

Dated 29 September 2016
[PTG.Pk. 407/2-973 (B); PTMjg. 616-0031;
PU.Pk. 67/71-50 Jld. 4]

DATO' SERI DIRAJA DR. ZAMBRY BIN ABD. KADIR
Menteri Besar
Perak Darul Ridzuan

WARTA KERAJAAN NEGERI PERAK

27hb Okt. 2016]

3179

KANUN TANAH NEGARA (Akta 56 tahun 1965)

NATIONAL LAND CODE (Act 56 of 1965)

No. 3356.

[Subseksyen 64(2)]

NOTIS CADANGAN PEMBATALAN PERIZABAN TANAH

[Subsection 64(2)]

NOTICE OF PROPOSED REVOCATION OF RESERVATION OF LAND

Bahawasanya melalui Pemberitahuan No. 5126 yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu* pada 17 September 1926, Residen Perak pada menjalankan kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen 9 Enakmen Tanah 1911 telah mengisytiharkan bahagian tanah yang terletak di Batu Gajah yang diperihalkan dalam Jadual dan terlukis di atas Pelan Hasil Ukar Bil. 28,069 yang disimpan di Pejabat Penolong Penguin Jurukur, Batu Gajah sebagai rizab bagi maksud suatu tapak untuk Masjid Muhammadan yang diselenggarakan oleh Penghulu Batu Gajah, Kadhi Batu Gajah, Masim Ali bin Nazim Shah, Nongah bin Haji Mohamed dan pengganti yang akan dilantik oleh Pegawai Daerah, Kinta;

Dan bahawasanya, adalah kini didapati suai manfaat oleh Pihak Berkuasa Negeri bahawa perizaban tanah yang disebut terdahulu itu dibatalkan sebagaimana yang diperihalkan dalam Jadual;

Maka oleh yang demikian, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepada Pihak Berkuasa Negeri di bawah subseksyen 64(1) Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri dengan ini memberi notis di bawah subseksyen 64(2) Kanun itu, mengenai cadangan untuk membatalkan perizaban tersebut sebagaimana yang diperihalkan dalam Jadual dan sesiapa jua yang ingin membantah pembatalan itu akan didengar oleh Pengarah Tanah dan Galian, Perak dalam satu siasatan yang akan diadakan di Bilik Mesyuarat, Pejabat Daerah dan Tanah Kinta, Batu Gajah pada 8 November 2016 jam 8.00 pagi hingga 1.00 tengahari.

JADUAL

Daerah—Kinta. Bandar—Batu Gajah. No. Pelan—28,069. No. Lot—28,629. Luas—0.997 ekar.

Bertarikh 25 Ogos 2016
[PTG.Pk. 175/4-15(C); KT. 33/1-6761;
PU.Pk. 67/71-54 Jld. 76]

SHahrul Azam Bin Shaari
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan
Perak Darul Ridzuan

WARTA KERAJAAN NEGERI PERAK

3180

[27hb Okt. 2016]

Whereas by Notification published in the Federated Malay State Government *Gazette* No. 5126 on 17 September 1926, the Resident of Perak in Exercise of the powers vested in him by section 9 of the Land Enactment 1911 proclaimed that the parcel of land situated in Batu Gajah described in the Schedule and delineated upon Revenue Survey Plan No. 28,069 deposited in the Office of the Assistant Superintendent of Revenue Surveys, Batu Gajah to be a reserve for the purpose of a site for a Muhammadan Mosque which is maintained by the Penghulu Batu Gajah, Kadhi Batu Gajah, Masim Ali bin Nazim Shah, Nongah bin Haji Mohamed and successors to be appointed by the District Officer, Kinta;

And whereas, it now appears expedient to the State Authority that the aforesaid reservation should be revoked as described in the schedule;

Now therefore, in exercise of the powers conferred upon the State Authority under subsection 64(1) of the National Land Code [*Act 56 of 1965*], the State Authority gives notice under subsection 64(2) of the Code of the proposal to revoke the reservation described in the Schedule and those who wish to object to such revocation will be heard by the Director of Lands and Mines, Perak in an inquiry to be held at the Meeting Room, District and Land Office of Kinta, Batu Gajah on 8 November 2016 at 8.00 a.m. to 1.00 p.m.

SCHEDULE

District—Kinta. Town—Batu Gajah. Plan No.—28,069. Lot No.—28,629.
Area—0.997 acre.

Dated 25 August 2016
[PTG.Pk. 175/4-15(C); KT. 33/1-6761;
PU.Pk. 67/71-54 Jld. 76]

SHAHRUL AZAM BIN SHAARI

Secretary

State Executive Council

Perak Darul Ridzuan

No. 3357.

[Subseksyen 64(2)]

NOTIS CADANGAN PEMBATALAN PERIZABAN TANAH

[Subsection 64(2)]

NOTICE OF PROPOSED REVOCATION OF RESERVATION OF LAND

Bahawasanya melalui Pemberitahuan No. 1410 yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu* pada 5 September 1957, Raja dalam Mesyuarat pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 24(i) Kanun

Tanah, telah mengisyiharkan bahagian tanah yang diperihalkan dalam Jadual dan terlukis di atas Pelan Hasil Ukur Bil. 21,895 yang disimpan di Pejabat Jurukur, Perak sebagai rizab bagi maksud suatu tapak untuk Mahkamah dan Kuarters Kadhi di Batu Gajah dan mengarahkan perizaban tersebut dibawah kawalan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak;

Dan bahwasanya, adalah kini didapati suai manfaat oleh Pihak Berkuasa Negeri bahawa perizaban tanah yang disebut terdahulu itu dibatalkan sebagaimana yang diperihalkan dalam Jadual;

Maka oleh yang demikian, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepada Pihak Berkuasa Negeri di bawah subseksyen 64(1) Kanun Tanah Negara [*Acta 56 tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri dengan ini memberi notis di bawah subseksyen 64(2) Kanun itu, mengenai cadangan untuk membatalkan perizaban tersebut sebagaimana yang diperihalkan dalam Jadual dan sesiapa jua yang ingin membantah pembatalan itu akan didengar oleh Pengarah Tanah dan Galian, Perak dalam satu siasatan yang akan diadakan di Bilik Mesyuarat, Pejabat Daerah dan Tanah Kinta, Batu Gajah pada 8 November 2016 jam 8.00 pagi hingga 1.00 tengahari.

JADUAL

Daerah—Kinta. Bandar—Batu Gajah. No. Pelan—21,895. No. Lot—466.
Luas—0.224 ekar.

Bertarikh 7 September 2016
[PTG.Pk. 175/4-15(C); KT. 33/1-6761;
PU.Pk. 67/71-54 Jld. 76]

SHAHRUL AZAM BIN SHAARI
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan
Perak Darul Ridzuan

Whereas by Notification published in the Federated of Malaya Government Gazette No. 1410 on 5 September 1957, the Ruler in Council in exercice of the powers conferred on him by subsection 24(i) of the Land Code, proclaimed that the parcel of land described in the Schedule and delineated upon Revenue Survey Plan No. 21,895 deposited in the office of the Chief Surveyor, Perak to be a reserve for the purpose of a site for a Kathi's Court and quarters at Batu Gajah, and directs that the said reserve be under the control of the State Secretary, Perak;

And whereas, it now appears expedient to the State Authority that the aforesaid reservation should be revoked as described in the Schedule;

Now therefore, in exercise of the powers conferred upon the State Authority under subsection 64(1) of the National Land Code [*Act 56 of 1965*], the State Authority gives notice under subsection 64(2) of the Code of the proposal to revoke the reservation described in the Schedule and those who wish to object to such revocation will be heard by the Director of Lands and Mines, Perak in an inquiry to be held at the Meeting Room, District and Land Office of Kinta, Batu Gajah on 8 November 2016 at 8.00 a.m. to 1.00 p.m.

WARTA KERAJAAN NEGERI PERAK

3182

[27hb Okt. 2016]

SCHEDEULE

District—Kinta. Mukim—Sungai Terap. Plan No.—21,895. Lot No.—466.
Area—0.224 acre.

Dated 7 September 2016
[PTG.Pk. 175/4-15(C); KT. 33/1-6761;
PU.Pk. 67/71-54 Jld. 76]

SHAHRUL AZAM BIN SHAARI

Secretary

*State Executive Council
Perak Darul Ridzuan*

No. 3358.

(Seksyen 261)(1)(b)

PEMBERITAHUAN KEPADA PEMEGANG GADAIAN MENGENAI SIASATAN

Kepada Bank Muamalat Malaysia Berhad yang beralamat di Monitoring, Collection & Recovery Centre, 17th Floor, Menara Bumiputra, Jalan Melaka, 50100 Kuala Lumpur.

Ambil perhatian bahwasanya tuan/puan, sebagai pemegang gadaian ke atas tanah yang tersebut di dalam Jadual yang dilampirkan bersama-sama ini telah membuat permohonan kepada saya di bawah Seksyen 260(2) Kanun Tanah Negara 1965, untuk mendapatkan satu Perintah Jualan.

Sila ambil perhatian bahawa siasatan berhubung dengan permohonan tuan/puan tersebut akan diadakan pada 3 haribulan November 2016, Khamis pukul 11.15 pagi, di Pejabat Daerah dan Tanah, Daerah Kecil Ipoh, Lorong Pasar, Gugusan Manjoi, 30020 Ipoh Perak Darul Ridzuan. Tuan/Puan adalah dikehendaki hadir.

Dan sila ambil perhatian bahawa kegagalan tuan/puan menghadiri siasatan tersebut akan mengakibatkan permohonan tuan/puan dibatalkan dengan kos.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Hulu Kinta. No. Lot—199312 (P.T. 79210). Jenis dan No. Hakmilik—P.M. 32298 (H.S.(M) 335A). Bahagian Tanah (jika ada)—Semua bhg. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Pers. 1076/2011.

Bertarikh 20 Oktober 2016

[PTK(I) 700/7/2016-34]

Siasatan 1

ABDUL BASIR BIN ABDUL HADI

b.p. Pentadbir Tanah Kinta

Ipo

WARTA KERAJAAN NEGERI PERAK

27hb Okt. 2016]

3183

No. 3359.

(Seksyen 261(1)(c))

SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR SIASATAN

Pejabat Tanah Daerah dan Tanah, Daerah Kecil Ipoh, Lorong Pasar, Gugusan Manjoi, 30020 Ipoh dalam Negeri Perak Darul Ridzuan

No. Rujukan: PTK(1) 700/7/2016-34

DI ANTARA

BANK MUAMALAT MALAYSIA BERHAD

Pemegang Gadaian

DAN

FARIDAH BINTI SHAARI

Penggadai

Kepada Faridah binti Shaari yang beralamat di No. 170, Klebang Selatan 2/19, Kg. Tersusun Klebang Selatan, Batu 6, 31200 Chemor, Perak Darul Ridzuan.

Ambil perhatian bahwasanya tuan/puan, sebagai pemegang gadaian ke atas tanah yang tersebut di dalam Jadual yang dilampirkan bersama-sama ini telah membuat permohonan di bawah seksyen 260(2) Kanun Tanah Negara 1965 supaya Perintah Jualan dikeluarkan ke atas tanah tersebut.

Sila ambil perhatian bahawa siasatan berhubung dengan permohonan pemegang gadaian akan diadakan pada 3 haribulan November 2016, Khamis pukul 11.15 pagi di Pejabat Daerah dan Tanah, Daerah Kecil Ipoh, Lorong Pasar, Gugusan Manjoi, 30020 Ipoh, Perak Darul Ridzuan. Tuan/Puan adalah dikehendaki hadir.

Dan sila ambil perhatian bahawa kegagalan tuan/puan menghadiri siasatan tersebut akan menyebabkan perintah jualan akan dikeluarkan ke atas tanah/tanah-tanah tersebut di bawah seksyen 263 Kanun Tanah Negara 1965.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Hulu Kinta. No. Lot—199312 (P.T. 79210). Jenis dan No. Hakmilik—P.M. 32298 (H.S.(M)335A). Bahagian Tanah (jika ada)—Semua bhg. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 1076/2011.

Bertarikh 20 Oktober 2016

[PTK(1) 700/7/2016-34]

Siasatan 1

ABDUL BASIR BIN ABDUL HADI
b.p. Pentadbir Tanah Kinta
Ipoh

No. 3360.

(Seksyen 257 dan 263)

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Amir Fadli bin Mohamed Halmi, Penolong Pentadbir Tanah Kampar pada menjalankan kuasa yang diperuntukkan oleh seksyen 257/263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah/bahagian tanah yang tak dipecahkan/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan di dalam Jadual di bawah ini:

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu hendaklah dengan jualan lelong awam, yang akan diadakan pada hari Rabu, 9 November 2016 pada jam 10.00 pagi di Perkarangan Pejabat Daerah dan Tanah Kampar.
 - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan itu ialah RM25,000.00.
(Ringgit Malaysia: Dua Puluh Lima Ribu sahaja)
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian/pemegang-pemegang gadaian pada tarikh ini ialah: RM15,715.77 CIMB Bank Bhd. (Ringgit Malaysia: Lima Belas Ribu Tujuh Ratus Lima Belas dan Sen Tujuh Puluh Tujuh sahaja) .
3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (a) penawar memiliki, jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas: RM1,571.58 (Ringgit Malaysia: Seribu Lima Ratus Tujuh Puluh Satu dan Sen Lima Puluh Lapan Sahaja).
 - (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
 - (c) di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
 - (i) maka, jumlah yang dinyatakan di dalam perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga harga belian telah dibayar; dan
 - (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah wang yang dinyatakan di dalam subperenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah wang yang kena dibayar kepada pemegang gadaian.
 - (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh hari (120) daripada tarikh jualan, iaitu tidak lewat dari 8 Mac 2017 dan bahawa tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah dinyatakan; dan

- (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah wang yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucutkan dan dilupuskan dengan cara yang dinyatakan di bawah seksyen 267.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Kampar. No. Lot—119382. Jenis dan No. Hakmilik—P.M. 3178 Mukim Kampar. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua bhg. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 904/2005.

Bertarikh 14 Oktober 2016
[PT.Kpr(D) 17/5-139]

AMIR FADLI BIN MOHAMED HALMI
*b.p. Pentadbir Tanah
Kampar*

No. 3361.

(Seksyen 257 dan 263)

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Abdul Basir bin Abdul Hadi, Pentadbir Tanah, pada menjalankan kuasa yang diperuntukkan oleh seksyen 257/263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah/bahagian tanah yang tak dipecahkan/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan di dalam Jadual di bawah:

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu hendaklah dengan jalan lelong awam, yang akan diadakan pada 24 November 2016 pada jam 10.30 pagi di Pejabat Tanah, Ipoh.
- (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan itu ialah RM300,000.00. (Ringgit Malaysia: Tiga Ratus Ribu sahaja)
- 2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian/pemegang-pemegang gadaian pada tarikh ini ialah: RM321,286.38 (sehingga 14.7.2016) - Public Bank Berhad.
- 3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
 - (a) penawar memiliki, jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas: RM30,000.00 (Ringgit Malaysia: Tiga Puluh Ribu Sahaja).
 - (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
 - (c) di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
 - (i) maka, jumlah yang dinyatakan di perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan

WARTA KERAJAAN NEGERI PERAK

3186

[27hb Okt. 2016]

- (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah wang yang dinyatakan di dalam subperenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah yang kena dibayar kepada pemegang gadaian.
- (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh hari (120) daripada tarikh jualan, iaitu tidak lewat dari 24 Mac 2017 dan bahawa tiada ada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah ditetapkan; dan
- (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucutahak dan dilupuskan dengan cara yang ditetapkan di bawah Seksyen 267.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/PekanMukim—Hulu Kinta. No. Lot—356180. Jenis dan No. Hakmilik—P.M. 24039. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua bhg. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 39/2015.

Bertarikh 20 Oktober 2016
[PTK(I) 700/7/2016-15]
Lelongan 1

ABDUL BASIR BIN ABDUL HADI
b.p. Pentadbir Tanah Kinta
Ipoh

Hakcipta Pencetak^(H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semuas Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disarkan dalam sebarang bentuk apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
CAWANGAN IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA